





UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93  
Oktober/November 1992  
KAA 447 Kimia Analisis Lanjutan II  
[Masa : 3 jam]

Jawab LIMA soalan, sekurang-kurangnya 2 soalan dari Bahagian A.  
Hanya LIMA jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.  
Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.  
Kertas ini mengandungi TUJUH soalan semuanya (5 muka surat).

## **BAHAGIAN A.**

1. (a) Cadangkan bagaimakah analisis kumpulan berfungsi bagi sebatian bergaris dalam tindak-tindakbalas berikut dapat dilaksanakan dengan baik :-








(10 markah)

- (b) Dalam analisis kumpulan berfungsi epoksida gangguan adalah satu masalah yang menghasilkan hasil analisis yang tidak benar. Bagaimanakah kesan gangguan dikaji untuk mengatasi masalah ini ?  
 (10 markah)

2. Bagaimanakah masalah-masalah berikut dapat diselesaikan ?
- (a) Sampel berasid untuk penentuan alkohol.
  - (b) Penentuan metanol dengan kehadiran etanol.
  - (c) Penentuan fenol dengan kehadiran butanol.
  - (d) Penentuan sebatian karbonil di dalam sampel yang mengandungi peroksida.  
 (20 markah)

3. (a) Lengkapkan tindak balas berikut yang membolehkan penentuan kumpulan berfungsi dilakukan.



(10 markah)

- (b) Berilah penjelasan serta komen yang ringkas mengenai perkara-perkara berikut :

- (i) Kaedah gravimetri di dalam penentuan kumpulan berfungsi karbonil.
- (ii) Penentuan kumpulan berfungsi hidroksil menggunakan kaedah spektrofotometri inframerah.
- (iii) Penentuan metanol menggunakan  $\text{LiAlH}_4$ .
- (iv) Kaedah penyabunan dalam penentuan ester.

(10 markah)

BAHAGIAN B.

4. (a) Sebanyak 100 mL larutan mengandungi 0.00225 M  $\text{AgNO}_3$  dan 0.00515 M  $\text{TlNO}_3$  diolah dengan 0.0100 M KI. Bolehkah kedua-dua kation tersebut dipisahkan secara pemendakan sebagai garam iodida ? Beri penjelasan anda.

$(\text{Ksp}(\text{AgI}) = 8.30 \times 10^{-17}, \text{Ksp}(\text{TlI}) = 6.5 \times 10^{-8}).$

(5 markah)

- (b) Suatu larutan disediakan secara mencampurkan 0.0100 mol  $\text{CdSO}_4$  dengan 1.00 mol  $\text{NH}_3$  diikuti dengan pencairan ke 1.00 L di dalam kelalang volumetri. Kepekatan kadmium yang tidak terkompleks didapati  $6.50 \times 10^{-10}$  M. Kiralah pemalar kestabilan purata untuk kompleks  $\text{Cd}(\text{NH}_3)_4^{2+}$ .

(5 markah)

- (c) Berilahuraian mengenai perkara-perkara berikut bersama-sama contoh penggunaanya .

- (i) Pentitratan Liebig.  
(ii) Pemelarutan kepilihan.

(10 markah)

5. (a) Suatu larutan mengandungi dua jenis ligan;  $L_1$  dan  $L_2$ ; dan ion-ion logam; M: Jika m boleh membentuk kompleks dengan kedua-dua ligan di atas, tunjukkan bahawa

$$\alpha_M = \alpha_{ML_1} + \alpha_{ML_2} - 1$$

Jika larutan di atas diasidkan, tunjukkan bahawa persamaan di atas boleh ditulis seperti di bawah

$$\begin{aligned} \alpha_M &= \sum_{i=1}^{i=n} \beta (M(L_1))_i \left( \frac{C_{L_1}}{\alpha_{L_1}(H)} \right)^i \\ &+ \sum_{i=1}^{i=n} \beta (M(L_2))_i \left( \frac{C_{L_2}}{\alpha_{L_2}(H)} \right)^i + 1 \end{aligned}$$


Dimana :-

$C_{L_1}$  = Kepekatan total  $L_1$

$C_{L_2}$  = Kepekatan total  $L_2$ .

(10 markah)

- (b) Dalam larutan berasid, besi(III) bertindakbalas dengan asid 4,5-ditridroksibenzena-1,3, disulfonik (tiron) untuk membentuk kompleks biru.



Bagaimanakah n kompleks boleh ditentukan ?

(10 markah)

6. (a) Mengapakah ion pusat dengan konfigurasi elektron gas adi;  $[X]$  ; lebih stabil berkompleks dengan  $\text{OH}^-$ ,  $\text{H}_2\text{O}$  atau  $\text{F}^-$  sedangkan yang berkonfigurasi elektron  $[X]\text{d}^{10}$  lebih stabil dengan  $\text{NH}_2^-$ , halida<sub>2</sub> dan  $\text{CN}^-$  ? (10 markah)
- (b) Kiralah keupayaan redoks formal pasangan redoks  $\text{Cu}^{2+}/\text{Cu}^+$  dengan kehadiran ion-ion klorida yang membentuk mendakan kuprum(I) klorida dan kompleks-kompleks kloro dengan kedua-dua ion kuprum(I) dan kuprum(II). Data-data berikut diketahui (untuk I = 1 dan  $25^\circ$ );  $E_{\text{Cu}^{2+}, \text{Cu}^+}^+ = 0.125 \text{ V}$  (tanpa  $\text{Cl}^-$ ) ;  $\log K_{(\text{CuCl})} = -5.9$  ; kestabilan kompleks-kompleks kloro kuprum(I) dinyatakan sebagai pemalar-pemalar ;  $\log K_{11} = 1.9$  ;  $\log K_{12} = 4.8$  ;  $\log K_{13} = 4.4$ ; begitu juga dengan kuprum(II);  $\log K_{11} = 0.1$  ;  $\log K_{12} = -0.6$ , kepekatan ion klorida ialah 0.1 M. (10 markah)
7. Jelaskan dengan ringkas perkara-perkara berikut :
- (i) Agen penopeng.
  - (ii) Kumpulan berfungsi analisis.
- (8 markah)

- (b) Anggarkan kepekatan kalium iodida untuk menopengkan tindak balas berwarna ion kadmium(II) berkepekatan  $1 \times 10^{-4}$  M dengan asid 8-hidroksikuinolina-5-sulfonik berkepekatan  $1 \times 10^{-2}$  M dalam suatu larutan pada pH 8.0, jika jumlah kepekatan logam yang dibenar terikat sebagai kompleks dengan reagen adalah  $1 \times 10^{-6}$  M. Reagen ini adalah asid tribes ( $H_3L$ ) dengan pemalar-pemalar penguraian,  $pK_{31} = 1.3$  ;  $pK_{21} = 4.15$  ;  $pK_{11} = 8.74$  . Kadmium membentuk dua kompleks iaitu  $CdL$  dan  $CdL_2$  dengan pemalar-pemalar berurutannya ialah  $\log K_{11} = 2.08$  ;  $\log K_{12} = 0.77$  ;  $\log K_{13} = 2.15$  dan  $\log K_{14} = 1.48$  .

(12 markah)

ooo000ooo